

Rujukan Kami: (17) LPKM 7/11/04/2/3/9 Jld.11

Tarikh: 13 Disember 2021

Kepada:

Syarikat Pengeksport
Syarikat Pengimport Kayu
Agen Penghantar (*Forwarding Agent*)
Persatuan Kayu Kayan

Y. Bhg. Dato / Tuan / Puan,

PENGELUARAN SIJIL MYTLAS KE SEMUA PASARAN ANTARABANGSA

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sepertimana sedia maklum, pengeluaran Sijil MyTLAS adalah berasaskan kepada sistem legaliti kayu atau dikenali sebagai *Timber Legality Assurance System Peninsular Malaysia* (MyTLAS). Ianya merupakan inisiatif kerajaan dalam memberikan pengesahan ke atas pengeluaran kayu kayan di sepanjang rantai pemprosesan (*chain of custody*) sehingga ke pintu keluar (*exit point*).

3. Sijil MyTLAS telah mula dikeluarkan secara percuma sejak Febuari 2013 untuk pengeksportan ke Negara European Union (EU) sahaja. Sijil MyTLAS yang dikeluarkan oleh MTIB adalah melibatkan 12 jenis *HS Code* produk kayu kayan. Sistem legaliti kayu ini juga telah menjalani dua (2) sesi pengauditan oleh pihak ketiga iaitu pada tahun 2013 dan 2020. Pengukuhan dan pemantapan MyTLAS secara keseluruhannya, telah dilaksanakan dengan kerjasama semua Agensi Pelaksana. Dapatan pengauditan 2020 mengesahkan bahawa sistem legaliti MyTLAS berkredibiliti dan memenuhi keperluan kepatuhan *Timber Legality*.

4. Dalam hubungan ini, cadangan memperluaskan akses Sijil MyTLAS ke semua destinasi eksport telah diluluskan diperingkat Jemaah Lembaga MTIB. Kelulusan ini turut melibatkan pengenaan caj perkhidmatan pengeluaran Sijil MyTLAS sebanyak RM10.00 per Sijil. Dimaklumkan bahawa pengeluaran Sijil MyTLAS tertakluk kepada keperluan / *optional* ke pasaran selain Negara Kesatuan Eropah bagi menggantikan pengeluaran *Statement Legality of Timber Source* (SLTS).

PERKHIDMATAN BERKUALITI KEPUASAN PELANGGAN



5. Sehubungan dengan ini, adalah dimaklumkan pelaksanaan pengeluaran Sijil MyTLAS akan mula berkuatkuasa pada **1 Januari 2022** di semua Pejabat MTIB seperti berikut:

- 5.1 Pengeluaran Sijil MyTLAS untuk pengeksportan ke semua destinasi;
- 5.2 Pengenaan caj perkhidmatan sebanyak **RM10.00 per Sijil MyTLAS.**
- 5.3 Pengeluaran Sijil MyTLAS menggantikan pengeluaran SLTS.

Permohonan Sijil MyTLAS adalah secara atas talian (melalui sistem MCS) dan pengeluaran Sijil MyTLAS akan diproses oleh Pejabat MTIB yang menjalankan pemeriksaan fizikal. Sijil MyTLAS hanya dikeluarkan kepada syarikat yang mengisi Borang A (*Form A MyTLAS*) dan membuat bayaran RM10.00.

6. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh menghubungi Pegawai Unit MyTLAS iaitu Puan Aimie Aiza Mohd Tusin (Tel: 03-9282 2235 Ext: 1375, Emel: aimie.tusin@mtib.gov.my) atau Tn. Hj. Kamil Asmuni (Tel: 03-9282 2235 Ext: 1297, Emel: ahmadkamil@mtib.gov.my).

Perhatian Y. Bhg. Dato / Tuan / Puan ke atas perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian untuk makluman.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


HJ. MAHPAR ATAN
Ketua Pengarah MTIB

Salinan kepada:

1. Ketua Setiausaha
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)
No. 15, Tingkat 6-13, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62654 PUTRAJAYA
 (u.p : **Encik Pubadi a/l Govindasamy**
Setiausaha Bahagian Kanan Industri Kayu, Tembakau dan Kenaf)
2. Ketua Pengarah MTIB
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
3. Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Operasi)
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
4. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan dan Komersil)
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
5. Ketua Pejabat Wilayah / Negeri
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia